A

PP

lwn.

PERIASAMY SAGATHEVAN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
SU GEOK YIAM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-120-2007]
10 MAC 2009

C

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Pecah rumah dan menyebabkan cedera parah - Responden mempunyai tujuh rekod kesalahan jenayah lampau yang serupa - Hukuman 60 bulan penjara dan tiga sebatan - Sama ada tidak memadai - Sama ada harus diganggui - Kanun Keseksaan, s. 459*

D

Ini adalah rayuan Pendakwa Raya terhadap keputusan yang arif hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') kerana menjatuhkan hukuman 60 bulan penjara dan tiga sebatan terhadap responden atas kesalahan melakukan pecah rumah dan menyebabkan cedera parah di bawah s. 459 Kanun Keseksaan. Responden telah memecah masuk rumah

E

mangsa dan menyerang mangsa dengan menggunakan sebilah parang panjang sekaligus menyebabkan beberapa kecederaan badan pada mangsa. Fakta juga menunjukkan bahawa responden mempunyai tujuh rekod kesalahan jenayah lalu dari tahun 1994 hingga 2004, di mana kesemua kesalahan tersebut adalah berkaitan

F

dengan jenayah menyamun harta benda. Yang arif HMS, dalam menjatuhkan hukuman seperti di atas, bagaimanapun, telah mengambilkira faktor kepentingan awam dan telah juga memberi diskaun kepada responden atas pengakuan bersalahnya. Pendakwa Raya bagaimanapun berhujah bahawa hukuman adalah amat tidak memadai dan persoalan yang berbangkit adalah sama ada,

G

mengambilkira fakta dan halkeadaan kes, Mahkamah Tinggi harus mengganggui hukuman dan menggantikannya dengan satu hukuman yang lebih berat dan wajar.

Diputuskan (membenarkan rayuan; hukuman diubah dan diganti

H

sekadarnya):

(1) Hukuman yang dijatuhkan oleh HMS adalah amat tidak mencukupi. Fakta jelas menunjukkan bahawa responden adalah seorang penjenayah yang tegar yang telah berulang kali melakukan jenayah dan tidak menunjukkan bahawa beliau telah

I

insaf mahu pun sedar. HMS khilaf kerana hukuman yang dijatuhkan bukan sahaja amat tidak mencukupi tetapi tidak akan

dapat mencegah responden atau orang-orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama seperti dalam rayuan ini. (perenggan 22-24)

(2) HMS juga khilaf apabila memberikan diskaun kepada pengakuan bersalah responden. Ini kerana responden tidak ada sebarang pembelaan yang boleh melepaskan beliau dari disabit. Responden juga telah menceroboh rumah mangsa dan menyerang dan menetak mangsa serta mencederakan datuk mangsa tanpa apa-apa sebab atau provokasi. Malah perbuatan responden dalam kes ini adalah sangat menakutkan dan sangat ganas. (perenggan 25)

(3) Mengambilkira gravity kesalahan yang dilakukan responden, dan fakta bahawa s. 459 menetapkan hukuman penjara yang boleh sampai 20 tahun dan boleh dikenakan denda atau sebatan, mahkamah berpendapat hukuman yang setimpal dengan kesalahan responden adalah 18 tahun penjara dan sepuluh sebatan. Jelas bahawa hanya hukuman yang berat sahaja yang dapat mencegah atau menghalang jenayah yang serius ini dari berulang kembali. (perenggan 26, 27 & 29)

Kes-kes yang dirujuk:
Abdul Rahman Ibrahim v. The Public Prosecutor of Johore [1938] 1 LNS 3 HC ***(dirujuk)***
Bachik Abdul Rahman v. PP [2004] 2 CLJ 572 CA ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 ***(dirujuk)***
R v. Sargeant [1974] 60 Cr App 74 ***(dirujuk)***
Sim Yeow Seng v. PP [1995] 3 SLR 44 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 459, 379A

Bagi pihak perayu - Muhamad Asyraf Muhd Kamal TPR
Bagi pihak responden - Hadir sendiri

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Su Geok Yiam H:

[1] Ini adalah rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) yang bijaksana di Mahkamah Sesyen Klang. Responden telah mengaku salah ke atas satu pertuduhan di bawah seksyen 459 Kanun Keseksaan seperti berikut:

Pertuduhan Pindaan

Bahawa kamu pada 9.10.2006 padajam lebih kurang 7.30 pagi di rumah di alamat no 9 Jalan Samarinda 28A, Taman Mewah Jaya 2, di dalam daerah Klang, di dalam negeri Selangor, telah melakukan pecah rumah dan menyebabkan cedera parah dengan jalan memasuki ke rumah kepunyaan Theresa a/p Govindan KPT 820306-10-5352 yang digunakan sebagai tempat kediaman manusia dan telah dengan sengaja mendatangkan cedera parah terhadap Theresa a/p Govindan KPT 820306-10-5352 dengan menggunakan suatu alat untuk memotong iaitu sebilah parang panjang, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 459 Kanun Keseksaan.

[2] HMS yang bijaksana telah menjatuhkan ke atas responden penjara selama 60 bulan daripada tarikh tangkap 10 Oktober 2006 dan tiga kali sebatan.

[3] Oleh kerana tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana, pendakwa raya telah memfailkan rayuan ini.

Alasan Rayuan

[4] Alasan-alasan rayuan adalah seperti berikut:

a) YA Puan Hakim telah tersilap dari segi fakta dan undang-undang apabila menjatuhkan hukuman yang terlampau tidak mencukupi terhadap Tertuduh sedangkan seksyen 459 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum selama tempoh 20 tahun dan boleh juga dikenakan denda atau sebatan.

b) YA Puan Hakim telah tersilap dari segi fakta dan undang-undang apabila mengambil faktor-faktor memberatkan hukuman namun gagal memberi pertimbangan yang seberatnya tentang kecederaan yang dialami oleh mangsa-mangsa yang diserang oleh Tertuduh semasa melakukan kesalahan yang dituduh.

c) Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila terlalu melebihkan kepentingan Tertuduh daripada kepentingan awam di mana masyarakat memandang perbuatan menceroboh masuk dan mencederakan mangsa adalah satu perbuatan yang serius.

d) Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memberikan satu hukuman yang deteren walaupun faktor-faktor yang memberatkan hukuman dikatakan dipertimbangkan dalam alasan penghakiman, namun pertimbangannya tidak mencerminkan hukuman yang dikenakan ke atas Tertuduh.

[5] Oleh yang demikian perayu memohon agar mahkamah yang mulia ini mengetepikan keputusan yang telah dibuat itu dan memerintahkan responden dikenakan hukuman yang lebih berat dan atau apa-apa perintah lain yang difikirkan wajar dan adil oleh mahkamah ini.

Keputusan Mahkamah Ini

[6] Setelah mendengar dan mengambil kira hujahan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang bijaksana dan juga kata-kata responden, mahkamah telah membenarkan rayuan ini. Mahkamah ini telah mengetepikan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana iaitu penjara 60 (enam puluh) bulan dari tarikh responden ditangkap pada 10 Oktober 2000 dan 3 (tiga) kali sebatan dan menggantikannya dengan hukuman penjara 18 (lapan belas) tahun dari tarikh ditangkap pada 10 Oktober 2000 dan sebatan sebanyak 10 (sepuluh) kali ("perintah tersebut").

[7] Responden telah tidak berpuas hati dengan perintah tersebut dan telah memfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

[8] Berikut ini adalah sebab-sebab mengapa mahkamah ini telah membuat perintah tersebut.

Fakta Kes

[9] Fakta kes adalah seperti berikut:

[10] Pada 9 Oktober 2006 jam lebih kurang 7.30 pagi, mangsa Theresa a/p Govindan (selepas ini disebut "mangsa") bersama anaknya berumur empat tahun serta datuknya bernama Thangaru a/l Gnamarokian (selepas ini disebut "datuk mangsa") sedang berada dalam rumahnya di Klang, Selangor. Pada waktu itu responden telah datang ke rumah tersebut dengan menaiki sebuah motosikal.

[11] Sebaik sahaja sampai di rumah tersebut responden telah memanggil nama Margaret iaitu ibu kepada mangsa untuk keluar dari rumah. Pada masa itu ibu mangsa tidak ada di rumah. Responden juga telah keluarkan kata-kata ugutan "Lu tak mau keluar saya masuk dalam bunuh sama lu". Kemudian responden dengan memegang sebilah parang telah membuka pintu pagar rumah mangsa dan menendang pintu utama rumah mangsa yang berkunci dan memasuki ke dalam rumah mangsa.

[12] Mangsa apabila melihat responden di dalam rumahnya di ruang tamu, telah lari dan masuk ke dalam biliknya. Responden telah hampiri bilik mangsa. Pada ketika itu datuk mangsa cuba menghalang responden dari memasuki bilik mangsa. Responden telah bertindak dengan menghentak leher datuk mangsa dengan bahagian belakang parang. Apabila datuk mangsa cuba merampas parang itu daripada tangan responden telah menyebabkan tangannya mendapat cedera. Kecederaan yang dialami oleh datuk mangsa ialah "laceration wound 3 x 5 cm over the palm (left hand) seperti di dalam laporan perubatan.

[13] Seterusnya responden telah tolak pintu dan memasuki bilik mangsa. Di dalam bilik mangsa, responden telah menyerang dengan menetak beberapa kali menggunakan parang terhadap mangsa. Selepas itu, responden telah beredar dari situ dengan motosikal yang dibawa olehnya.

[14] Mangsa telah mengalami cedera parah seperti berikut yang dinyatakan dalam laporan perubatan:

i) Open fracture midshaft right ulna (IIIA);

ii) Deep laceration wound right forearm with ulna nerve cut;

iii) Deep laceration wound left palmar;

iv) Open fracture right tibial plateau (IIIA).

[15] Repot pertama (FIR) dalam kes ini dibuat oleh anggota polis pada 9 Oktober 2006.

[16] Pada 10 Oktober 2006 jam lebih kurang 5 pagi responden telah serahkan sebilah parang berhulu plastik hitam kepada pihak polis di Balai Polis Klang dan ditangkap oleh pihak polis.

Alasan Penghakiman HMS Yang Bijaksana

[17] HMS yang bijaksana telah memberi alasan bahawa antara faktor-faktor yang diberi keutamaan dalam memutuskan bentuk hukuman bagi kesalahan yang dilakukan responden di bawah s. 459 Kanun Keseksaan ialah dengan melihat akuan bersalah responden yang telah dibuat secara sukarela dan sabitan yang telah diputuskan adalah berdasarkan kepada fakta kes yang jelas menunjukkan responden telah menceroboh masuk ke rumah mangsa lalu menyerang mangsa yang menyebabkan mangsa mengalami kecederaan parah. HMS yang bijaksana telah mengambil "judicial notice" bahawa kejadian menceroboh masuk ke sesuatu premis dan menyebabkan cedera parah sering berlaku dalam daerah Klang.

[18] HMS yang bijaksana juga turut berpendapat bahawa prinsip kepentingan awam hendaklah lebih diutamakan dan perlu diberi penekanan daripada kepentingan responden dengan menerima pakai prinsip undang-undang di dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102 yang ditegaskan seperti berikut:

> One of the main considerations in the assessment of sentence is of course the question of public interest.

[19] Untuk mengimbangkan hukuman, mahkamah perlu melihat kepada keseriusan dan jenis kesalahan yang dilakukan oleh responden jika dibandingkan dengan kepentingan awam. Selain itu HMS yang bijaksana turut mempertimbangkan akuan bersalah responden dan telah memberi diskaun dari segi penghukuman.

Undang-Undang

[20] Adalah menjadi satu amalan bahawa Mahkamah Tinggi tidak akan mengubah hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah rendah kerana semata-mata ia mengenakan hukuman yang berbeza. Mahkamah Tinggi boleh melakukannya jika berpuas hati bahawa hukuman yang dikenakan adalah terlalu tidak mencukupi atau bukan hukuman yang betul berasaskan kepada kesemua fakta yang dikemukakan di dalam kes berkenaan atau secara jelasnya, mahkamah rendah telah terkhilaf di dalam menggunakan prinsip-prinsip yang betul semasa hukuman diberikan.

Samada Mahkamah Ini Seharusnya Mengganggu Hukuman Yang Telah Dijatuhkan Oleh HMS Yang Bijaksana Di Dalam Rayuan Ini

[21] Pada pendapat mahkamah ini hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana adalah amat tidak mencukupi. Tambahan pula terdapat beberapa khilafan yang telah dilakukan oleh HMS yang bijaksana.

[22] Pertamanya ialah responden mempunyai tujuh rekod kesalahan lalu mulai tahun 1994 hingga tahun 2004 yang mana kesemua kesalahan ini adalah berkaitan dengan jenayah menyamun harta benda yang mana pada kali terakhir responden telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s. 379A Kanun Keseksaan iaitu mencuri kenderaan yang membawa kepada pemenjaraan selama 16 bulan dari tarikh tangkap iaitu pada 13 Oktober 2004. Tambahannya hukuman paling berat yang telah dijalani oleh responden ialah pada tahun 2002 iaitu bagi kesalahan samun bersenjata di mana responden telah menjalani hukuman selama 40 bulan penjara, tiga sebatan dan satu tahun pengawasan polis.

[23] Ini jelas menunjukkan bahawa responden adalah merupakan penjenayah tegar yang telah berulang kali melakukan jenayah dan tidak menunjukkan bahawa beliau telah insaf mahu pun sedar.

[24] Walaupun HMS yang bijaksana adalah betul apabila menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira oleh seseorang hakim semasa menjatuhkan hukuman ke atas responden dan bahawa prinsip utama yang perlu dipakai adalah faktor kepentingan awam beliau telah khilaf kerana hukuman yang dijatuhkan oleh beliau adalah amat tidak mencukupi kerana tidak akan dapat mencegah responden atau orang-orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama seperti dalam rayuan ini.

[25] Keduanya ialah apabila HMS yang bijaksana memberi diskaun kepada responden ekoran daripada akuan bersalahnya. Ini adalah kerana responden tidak ada sebarang pembelaan yang boleh melepaskan beliau dari disabit dalam kes ini memandangkan responden telah menceroboh masuk rumah mangsa dan menyerang dan menetak mangsa serta mencederakan datuk mangsa walaupun datuk mangsa telah cuba menghalangnya daripada berbuat demikian tanpa apa-apa sebab atau provokasi. Jika dilihat kepada fakta kes yang telah dibentangkan oleh pihak pendakwaan ini jelas menunjukkan bahawa perbuatan responden dalam kes ini adalah sangat menakutkan dan bahawa perlakuan responden ini adalah sangat ganas.

[26] Tambahan pula, hukuman yang diperuntukkan di bawah s. 459 Kanun Keseksaan adalah hendaklah diseksa dengan penjara yang boleh sampai 20 tahun dan boleh dikenakan denda atau sebatan. Maka mahkamah ini berpendapat 10 sebatan seharusnya dikenakan ke atas responden bersama dengan 18 tahun penjara dari tarikh tangkap kerana tahap keganasan yang dilakukan oleh responden terhadap mangsa dalam rayuan ini.

[27] Oleh itu graviti, kesalahan yang dilakukan oleh responden merupakan faktor yang seharusnya memberatkan lagi hukuman bagi memberi pengajaran kepada responden dan seterusnya memberi amaran kepada sesiapa yang berniat untuk melakukan kesalahan yang sama supaya tidak berbuat demikian sekiranya tidak ingin dikenakan satu bentuk hukuman yang wajar, adil dan setimpal dengan kesalahan itu.

[28] Di dalam kes *Abdul Rahman Ibrahim v. Public Prosecutor of Johore* [1938] 1 LNS 3, Mc Elwaine, CJ menyatakan bahawa:

> This court will, in determining appeals, ... reduce or enhance sentences when, having before us all the material which the trial judge had before him, we consider having regard to all the circumstances of the case, that the sentence is imposed is manifestly excessive or inadequate.

[29] Maka, pada pendapat saya, hanya dengan hukuman yang berat sahaja yang dapat mencegah atau menghalang daripada jenayah yang serius ini kembali berulang. Oleh itu dengan hukuman penjara 18 (lapan belas) tahun dari tarikh ditangkap pada 10 Oktober 2000 dengan sebatan sebanyak sepuluh kali adalah sangat wajar dan tepat kepada responden dalam rayuan ini.

[30] Di dalam kes *Bachik Abdul Rahman v. Public Prosecutor* [2004] 2 CLJ 572, di ms 584 Augustine Paul, HMR telah merujuk kepada kes *Sim Yeow Seng v. PP* [1995] 3 SLR 44 di mana Yong Pung How CJ menyatakan seperti berikut di ms 47:

> the rationale of *PP v. Boon Kiah Kin* [1993] 3 SLR 639 and, indeed, Lowe J's judgment in *R v. Wilson* [1965] VLR 199 is that a sentencing court should have regard to all the accused's antecedents up to the moment of sentencing because these antecedents reveal his character, his attitudes and the likelihood of rehabilitation. So long as previous convictions are shown to exist, therefore it does not matter whether they were in respect of offences commited before or subsequent to the offence for which the court is considering sentence.

[31] Di ms 583 dan ms 584 Augustine Paul, HMR juga telah menyatakan seperti berikut:

> the learned judge appears to have taken the view that credit should be given in every case where a person pleads guilty. The position in law is that it is generally accepted that an accused person should be given credit or discount for pleading guilty (see *Sau Soo Kim v. PP* [1975] 1 LNS 158, *PP v. Sulaiman bin Ahmad* [1992] 4 CLJ 2283; [1992] 3 CLJ (Rep) 447, *PP v. Ravindran & Ors* [1992] 1 LNS 47). The discount that is given is normally a reduction of the sentence by about a third of what would otherwise have been imposed (see *Mohamad Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209, *PP v. Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1999] 8 CLJ 430; *Christopher Khoo Ewe Cheng v. PP* [1998] 3 CLJ 705). However, this is not a strict rule as the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount in an appropriate case (see *Zaidon Shariff v. PP* [1996] 4 CLJ 441; *Lee Say & Ors v. PP* [1985] 2 CLJ 155; [1985] (Rep) 683). Its application in favour of an accused depends on the facts and circumstances of each case (see *Wong Kai Chuen Phillip v. PP* [1990] 1 LNS 146;). Thus, as lucidly explained by Charles JA in *Leigh Nicholas Donnelly v. R* [1997] 91 A Grim R 550 at p. 554:

A

> A court's attitude towards the fact of a plea of guilty is expected to act as an encouragement to enter such a plea. The issue with which the court is to be concerned is what weight should be given to it in the circumstances.

> The circumstances in which a guilty plea will not have any weight are
B varied. The severity of the offence committed may outweigh the mitigating effect of a guilty plea (see *Loh Hock Seng & Anor v. PP* [1979] 1 LNS 48; *PP v. Oo Leng Swee & Ors* [1981] 1 LNS 109). Where public interest demands a deterrent sentence in the circumstances of a particular case, then the effect of a guilty plea must also give way (see *Sim Gek Yong v. PP* [1995] 1 SLR 537; *PP v.*
C *Govindnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 CLJ 370). A guilty plea cannot also be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge is available to the accused (see *PP v. Low Kok Wai* [1988] 2 CLJ 105; [1988] 2 CLJ (Rep) 268). If a plea of guilty is made too late in the trial it may also cease to have mitigating effect (see *PP v. Dato' Nallakaruppan Solaimalai* [1999] 2 CLJ 596). The absence of mitigating
D factors in favour of the accused like, for instance, the existence of previous convictions may also deprive the guilty plea of its effect. There can therefore be no automatic rule that a guilty plea on its own entitles an accused to a lesser punishment (see *PP v. Tia Ah Leng* [2000] 5 CLJ 614). Be that as it may, where there is a departure from the
E general rule the reason for not treating the guilty plea as a mitigating factor must be reflected in the ground of judgment (see *Tan Lay Chen v. PP* [2000] 4 CLJ 492).

[32] Di dalam kes *R v. Sargeant* [1974] 60 Cr App 74, Lawton J ada menyatakan seperti berikut berkenaan prinsip penghukuman
F penjara yang lebih lama kepada seseorang tertuduh untuk memberikan satu pengajaran:

> ... unfortunately, it is one of the facts of life that there are some offenders for whom neither deterrence nor rehabilitation works. They will go on committing crimes as long as they are able to do so. In
G these cases the only protection which the public has is that such person should be locked up for a long period.

[33] Maka berdasarkan kepada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, diskaun hukuman untuk pengakuan salah bagi kes ini tidak sepatutnya diberikan dengan melihat graviti kesalahan yang
H dilakukan oleh responden. Di dalam kes ini mangsa telah cedera parah, maka ini mewajarkan untuk satu hukuman yang lebih berat ke atas responden kerana tindakan beliau itu juga turut menimbulkan ancaman keselamatan di negara ini. Mangsa sepatutnya berasa selamat di dalam rumahnya sendiri. Rakyat dalam negara ini tinggal
I dalam ketakutan kerana kesalahan pencerobohan rumah yang

melibatkan kecederaan kepada tubuh badan menyebabkan keselamatan diri terancam. Hukuman mestilah mencerminkan rasa kebencian masyarakat ke atas bentuk jenayah ini. Sesuatu hukuman yang deteren hendaklah dikenakan untuk menghalang responden dan bakal pesalah di masa hadapan daripada melakukan kesalahan yang sama.

[34] Oleh itu mahkamah telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan mengetepikan hukuman penjara 60 bulan dari tarikh responden ditangkap dan tiga sebatan yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana dan menggantikannya dengan hukuman penjara 18 tahun dari tarikh responden ditangkap dan sepuluh sebatan.